

25/10/1998

LHDN perlu jelaskan kekeliruan taksiran cukai

SALAH satu galakan dalam Belanjawan Negara 1999 yang menarik perhatian ramai ialah mengenai cadangan supaya pendapatan pada tahun 1999 tidak dikenakan cukai. Daripada banyak panggilan yang diterima berhubung belanjawan untuk tahun depan itu, banyak pertanyaan dibuat mengenai cukai pendapatan untuk 1999. Meskipun maklumat yang disampaikan mudah difahami, ia tetap menimbulkan banyak persoalan. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dirasakan perlu memberi penerangan terperinci dan menjelaskan mekanisme cara mana pembayaran itu tidak perlu dibayar.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan Pertama ketika membentangkan Belanjawan Negara kelmarin, sistem taksiran cukai berasaskan tahun sebelumnya dipinda kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa bermula tahun 2000. Dengan pelaksanaan sistem cukai yang berasaskan tahun semasa itu, pendapatan pada tahun 1999 tidak lagi dikenakan cukai. Ada yang menyatakan cadangan itu tidak memberi sebarang kesan, terutama kepada mereka yang makan gaji. Ini kerana walaupun tahun 1999 tidak dikenakan cukai, hakikatnya, bayaran cukai pada tahun 2000 tetap dibayar. Bezanya, pembayaran tidak dibuat berasaskan tahun taksiran 1999. Pembayaran dibuat untuk taksiran tahun semasa iaitu tahun 2000. Ia boleh diibarat melompat satu tahun.

Ada juga berpendapat galakan itu sesuatu yang ditunggu-tunggu terutama di kalangan sektor swasta dan syarikat. Daripada pemahaman umum, cadangan itu bermaksud bagi tahun ini pembayar cukai membayar cukai pendapatan masing-masing berasaskan taksiran tahun lalu (1997). Bagi tahun depan (1999), mereka membayar cukai untuk tahun ini (1998) manakala pada tahun 2000 mereka membayar taksiran semasa untuk tahun 2000. Ini bermakna cukai bagi tahun 1999 tidak perlu dibayar. Sebaliknya pada tahun 2000, mereka membayar cukai untuk tahun yang sama. Cukai yang akan dibayar pada tahun 2000 tidak lagi berasaskan taksiran tahun sebelumnya, sebaliknya taksiran semasa sebenar. Ini bermakna LHDN perlu mengemaskinikan fail setiap pembayar cukai mengikut tahun semasa. Kelewatan mengemaskini rekod pembayar cukai akan hanya menimbulkan banyak masalah. Tugas mengemaskini rekod itu juga perlu seiring dengan semua majikan di sektor awam dan swasta.

Bagi pembayar cukai di kalangan kakitangan awam dan golongan makan gaji, disebabkan setiap tahun mereka membayar cukai, faedahnya hanya akan mereka peroleh ketika berpencen kelak. Ini kerana pada tahun akhir mereka berpencen, cukai pendapatan dibereskan pada tahun yang sama. Ini bermakna apa juga sagu hati yang akan mereka peroleh tidak lagi ditolak cukai pendapatan. Bagi mereka yang berpencen pada 1999, pula mereka tidak perlu membayar cukai. Bagaimana dengan mereka yang berpencen pada akhir 1999. Rasanya mereka perlu membayar cukai untuk tahun 1998, tetapi pada 1999 mereka tidak lagi terikat dengan cukai pendapatan. Bagi mereka yang baru bekerja pada tahun 1999, dan jika pendapatan mereka sudah layak dikenakan cukai, mereka tidak perlu membayar cukai pada tahun itu. Cukai pertama mereka hanya dibayar pada tahun 2000 mengikut taksiran tahun 2000.

Tetapi, bagi syarikat, sektor swasta dan ahli perniagaan, cadangan baru itu memberi makna yang besar. Rasanya, bagi tahun depan mereka boleh membuat untuk sebanyak mungkin. Disebabkan cukai yang akan dikenakan tahun depan berasaskan kepada taksiran tahun ini, mereka boleh meringankan bebanan syarikat, tambahan pula pada tahun ini pendapatan syarikat merosot kesan masalah ekonomi yang mereka hadapi. Walaupun setiap pihak boleh

membuat untung yang besar tahun depan dan tidak dikenakan cukai, ini tidak bermakna sesuatu perkembangan negatif. Lebih ramai pihak yang membuat untung tahun depan, adalah lebih baik kerana ia akan menggerakkan semula ekonomi dengan lebih cergas. Apa yang mesti dielakkan ialah ada pihak yang sengaja memutarbelitkan akaun hingga keuntungan yang besar cuba disembunyikan daripada pihak LHDN.

(END)